

Petani bimbang tembakau rosak ditenggelami air

PASIR PUTEH – Lebih 500 penanam tembakau di Kampung Tok Bali dekat sini meminta pihak berwajib segera membantu memperbaiki sistem perparitan tersumbat yang menyebabkan tanaman mereka ditenggelami air berikutan hujan lebat sejak beberapa hari lalu.

Mereka bimbang akan mengalami kerugian sekiranya masalah tersebut tidak ditangani segera kerana ia akan menyebabkan tanaman yang diusahakan rosak.

Seorang petani, Nik Abdul Rahman Nik Hassan, 45, berkata, sistem perparitan di kawasan ladang kampung berkenaan perlu diselenggara semula kerana banyak

yang tertimbus dan sebahagiannya pula tersekat akibat ditumbuhi rumput dan pokok renek.

Beliau mendakwa, sekiranya tiada langkah segera diambil, lebih 500 hektar tanaman yang diusahakan petani terutamanya di perkampungan Haji Wan Omar akan musnah dan petani terbabit terpaksa menanggung kerugian.

“Air daripada parit yang tidak diselenggarakan semula itu melimpah ke kawasan tanaman apabila hujan lebat dan ia sukar untuk kering,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Seorang lagi petani, Ismail Mat Noh, 50, pula berkata, penghujung tahun lalu

merupakan musim awal penanaman melibatkan kerja-kerja menyemai benih tembakau, tembikai, keledek dan beberapa jenis tanaman jangka pendek yang lain.

“Kami memohon jasa baik Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (LKTN) berhubung masalah ini untuk diselesaikan. Sekurang-kurangnya, bersihkan semula parit yang tersumbat untuk laluan air.

“Kami telah pun mengalami kerugian besar disebabkan masalah perparitan sebagaimana yang berlaku dua tahun lalu dan kami berharap kejadian serupa tidak berulang lagi pada tahun ini,” katanya.



BEBERAPA orang petani memegang sepanduk meminta pihak berwajib menyelenggarakan sistem perparitan di Kampung Tok Bali, Pasir Puteh semalam.